



Headline: Dua individu rugi RM57,200 ditipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 28 July 2019

Page: 20

Dua individu rugi RM57,200 ditipu Macau Scam

KUCHING - Dua individu berputih mata apabila wang simpanan mereka lesap akibat ditipu sindiket Macau Scam, melibatkan kerugian berjumlah RM57,200, baru-baru ini, kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah.

Beliau berkata, kes pertama melibatkan seorang pelajar wanita berusia 20 tahun dari Kuching, setelah dia diperdaya seorang lelaki bernama Johnson Tan yang mendakwa bekerja sebagai Majistret, kononnya pelajar itu mempunyai notis tunggakan saman kad kredit berjumlah RM16,840.88.

“Mangsa menyedari dirinya ditipu setelah mendapati wang simpanan berjumlah RM17,760 dalam akaun peribadinya dipindahkan ke dalam dua akaun berlainan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mustafa Kamal berkata, kes kedua melibat seorang wanita berusia 25 tahun yang bekerja di Hospital Sibu, dan dia juga ditipu menggunakan modus operandi yang sama, kononnya dia mempunyai tunggakan kad kredit berjumlah RM16,800.88 daripada sebuah bank.

Katanya wanita itu hanya sedar dirinya ditipu setelah menerima SMS daripada CIMB Click selepas wang berjumlah RM39,440 dipindahkan daripada akaun peribadinya ke dalam akaun pihak ketiga. - *Bernama*